

8.1.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

DALAM PERANCANGAN: PROJEK AIR BERNILAI BERBILION RINGGIT BAGI PULAU PINANG

- PBAPP akan memulakan 4 projek WCP 2030 pada 2025 untuk meningkatkan bekalan air terawat di Pulau Pinang.
- PAAB telah bersetuju untuk berkolaborasi dalam dua (2) projek WCP 2030 yang lain.
- Enam (6) Projek Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan risiko air Pulau Pinang, yang berkaitan: kemarau berpanjangan pada masa depan dan “Insiden Sungai Muda”.
- Projek Air Perak-Pulau Pinang: PETRA telah mengeluarkan kenyataan tender awam untuk melantik perunding bagi kerja-kerja fizikal.

PULAU PINANG, Rabu, 8.1.2025: Sebagai respons kepada peningkatan penggunaan air yang dipacu oleh pertumbuhan sosioekonomi serta perubahan iklim, Kerajaan Negeri dan PBAPP sedang berusaha untuk mempercepatkan dan melaksanakan projek air berbilion ringgit untuk Pulau Pinang.

PBAPP akan memulakan kerja-kerja bagi **empat (4) projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) pada 2025:**

| Projek-projek WCP 2030 PBAPP | Unjuran pelaburan | Manfaat |
|---|-------------------|--|
| 1. Saluran paip air terawat 13.0km x 1.8m baharu dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke Butterworth. | RM128 juta | Meningkatkan pengepaman air terawat dari Sungai Dua kepada pengguna di semua kawasan di Seberang Perai dan Daerah Barat Daya, di bahagian pulau, Pulau Pinang. |
| 2. Saluran paip air terawat 3.9km x 1.8m baharu dari Kawasan Macallum ke Bukit Dumbar. | RM44 juta | Meningkatkan pengepaman air terawat dari Sungai Dua kepada pengguna-pengguna di bahagian pulau, Pulau Pinang. |

| | | | |
|----|--|------------|---|
| 3. | LRA Empangan Mengkuang baharu 114 juta liter sehari (JLH). | RM250 juta | Penukaran Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) kepada "empangan harian" yang boleh didapati setiap hari untuk menyokong perkhidmatan bekalan air yang lebih baik di Seberang Perai Tengah (SPT). |
| 4. | LRA Sungai Kerian baharu 114 juta liter sehari (JLH) | RM402 juta | Tambahan 114 JLH bekalan air untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS). |

Pelaburan bagi empat (4) projek WCP 2030 ini dijangka berjumlah RM824 juta.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP juga mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) atas komitmennya untuk bekerjasama dalam dua (2) lagi projek WCP 2030 di Pulau Pinang:

| Projek-projek WCP 2030 | | Unjuran pelaburan | Manfaat |
|------------------------|---------------------------------|-------------------|---|
| 5. | LRA Sungai Perai baharu 136 JLH | RM588 juta | Tambahan 136 JLH bekalan air terawat di Seberang Perai Tengah (SPT) |
| 6. | LRA Sungai Muda baharu 114 JLH | RM435 juta | Tambahan 114 JLH bekalan air terawat di Seberang Perai Utara (SPU). |

PAAB komited untuk menyediakan pembiayaan untuk 2 projek ini dengan anggaran nilai RM1.023 bilion. PBAPP akan membayar balik kepada PAAB melalui terma pembiayaan jangka panjang yang menguntungkan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP juga akan berusaha untuk melaksanakan **6 projek air Persekutuan berikut untuk Pulau Pinang** tepat pada masanya:

| Projek-projek Persekutuan | | Manfaat |
|---------------------------|---|--|
| 1. | Rumah Pam Lahar Yooi 440 MLD baharu bernilai RM214 juta (Fasa 2C Projek Pembesaran Empangan Mengkuang – MDEP) | Pengisian semula Empangan Mengkuang (EMD) yang lebih pantas dan efisien semasa musim hujan setiap tahun. |
| 2. | Saluran Paip Dwi-guna 440 JLH baharu yang menghubungkan EMD dan Terusan Sungai Dua | Peningkatan pengeluaran sehingga 1,040 JLH air mentah dari EMD untuk digunakan di LRA Sungai Dua semasa |

| | | |
|----|--|--|
| | | kecemasan akan datang seperti "Insiden Sungai Muda". |
| 3. | Takungan air pinggiran sungai (TAPS) Sungai Muda | "Empangan-mini" untuk menyimpan air mentah dari sungai bagi menyokong 24 - 48 jam pengeluaran air terawat bagi mengelakkan krisis air di Seberang Perai Utara (SPU). |
| 4. | Takungan air pinggiran sungai (TAPS) Sungai Kerian | "Empangan-mini" untuk menyimpan air mentah dari sungai bagi menyokong 24 - 48 jam pengeluaran air terawat bagi mengelakkan krisis air di Seberang Perai Selatan (SPS). |
| 5. | Kerja-kerja menaik taraf Empangan Bukit Panchor (kini dalam kajian kebolehlaksanaan oleh perunding). | Menyediakan simpanan tambahan kepada LRA Bukit Panchor. |
| 6. | Baraj Sungai Muda baharu bernilai RM118 juta di Rantau Panjang. | Untuk dapat mengakses 1,500 JLH air mentah dari Sungai Muda |

Jumlah unjuran pelaburan untuk enam projek persekutuan ini adalah antara RM500 juta dan RM700 juta. Rumah Pam Lahar Yooi dan Saluran Paip Dwi-guna 440 JLH mungkin dibiayai oleh "dana Persekutuan yang berbaki" daripada MDEP. Pulau Pinang akan memohon pembiayaan Persekutuan untuk 2 projek TAPS di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (2026 – 2030).

PROJEK AIR PERAK-PULAU PINANG

Akhir sekali, Jabatan Bekalan Air Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengeluarkan kenyataan tender awam bagi pelantikan perunding untuk kerja-kerja fizikal bagi "Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak untuk Bekalan Air di Kawasan Utara Negeri Perak dan Pulau Pinang".

Projek Air Perak-Pulau Pinang ini, yang digerakkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, akan memberikankan 5 faedah utama berikut kepada Pulau Pinang:

- Akses kepada sumber air kedua dari selatan (selain Sungai Muda di utara);
- Risiko krisis air yang lebih rendah semasa musim kemarau berpanjangan pada masa hadapan;
- Kecukupan bekalan air untuk Pulau Pinang selepas 2030;
- Peningkatan bekalan air untuk menyokong kemajuan ekonomi masa depan di Seberang Perai Selatan (kawasan sasaran pertumbuhan tinggi); dan
- Bekalan air terawat yang lebih stabil dan sekata di seluruh Negeri Pulau Pinang, 24/7.



RM1.7 bilion. Lebih penting lagi, pelaksanaan tender awam PETRA untuk melantik perunding bagi kerja-kerja fizikal jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan komited untuk melaksanakan projek ini tepat pada masanya untuk Pulau Pinang menjelang Tahun 2030.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Anwar dan PETRA atas sokongan padu mereka untuk merealisasikan projek bekalan air terbesar bagi Pulau Pinang dalam tempoh 51 tahun, iaitu sejak pembukaan Skim Air Sungai Muda pada 1973.

Objektif utama kami adalah untuk mengekalkan bekalan air yang baik secara berterusan, meminimumkan risiko air dan memastikan kecukupan bekalan air untuk masa depan yang lebih baik. Kami terus berusaha untuk menambah baik lagi perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my